

MB letak jawatan Ketua UMNO Johor

Putusannya timbulkan berbagai spekulasi

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh RASINAH MOHAMAD

JOHOR BAHRU, Rabu—Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Othman Saat, meletakkan jawatannya sebagai Ketua Perhubungan UMNO Johor, mulai esok.

Demikian ditegaskan dalam satu kenyataan yang dibacakan kepada Setiausaha Akhbarinya, Haji Hassan Basri Sulaiman, kepada para pemberita di sini hari ini.

Pengumuman Tan Sri Haji Othman ini menimbulkan berbagai tafsiran dan spekulasi mengenai jawatan-jawatan lain dalam Kerajaan dan parti yang masih di-sandanginya sekarang.

Bagaimanapun, adalah pasti bahwa Timbalan Perdana Menteri, meringkap Timbalan Presiden dan Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Johor akan diantit mengijawatkan Ketua Perhubungan itu.

Kesempatan

Surat perletakan jawatan berkenaan dihantar kepada Presiden UMNO Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, semalam.

Dalam kenyataan akhbarinya, Tan Sri Othman berkata, beliau menyerah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Perdana Menteri, memilih di antara yang layak mengemban jawatan itu yang selepas Allahyarham Tun Dr. Ismail.

Tan Sri Othman berkata, beliau sadar tidakkannya ini akan menimbulkan bermacam-macam ahli UMNO dan rakyat Johor.



● TAN SRI HAJI OTHMAN

Katanya, keputusan berkenaan diambil untuk memberi kesempatan kepada pucuk pimpinan UMNO Malaysia memili semua pimpinan UMNO Johor.

Tan Sri Othman berkata, tindakan beliau ini adalah dalam makluman Datuk Seri Dr. Mahathir.

Bellau menyeru setiap ahli UMNO di semua peringkat di Johor menerima keputusannya dengan hati terbuka.

Katanya, UMNO Johor telah mencapai tahap kematangan dan sebarang perubahan terhadap pucuk pimpinannya tidak akan menjelaskan kedudukan parti pada keseluruhannya.

Selanjutnya, beliau berikrar akan terus memberi sokongan kepada pucuk pimpinan parti dan berkhidmat kepada parti dan masyarakat selagi tenaganya diperuntukan.

Tan Sri Othman tidak dapat dihubungi hari ini kerana beliau telah berangkat ke Muar sebaik sahaja selesai mempergunakan menyuarat Exco di Bukit Timbalan. Bagaimanapun, beliau dijangka mempergunakan mesyuarat Majlis Keselamatan Negeri di

sini esok.

Pemerhati-pemerhati politik di sini berkata, tindakan Tan Sri Othman ini peringkat pertama sebelum beliau bernara dari politik dan seterusnya melepaskan jawatan Menteri Besar Johor yang diisandangnya sejak 1967.

Menurut mereka, meramalkan Tan Sri Othman akan meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar Johor Abil Dewan Undangan Negeri kawasan Kesang dan akhirnya sebagai Ketua UMNO Bahagian Pagoh.

Pemerhati-pemerhati politik yakin, Tan Sri Othman akan meletak "kesemua" jawatannya satu persatu seperti yang dilakukan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn.

Mereka percaya, Tan Sri Othman mengambil tindakan mengosongkan jawatan Ketua Perhubungan UMNO Johor dan seterusnya jawatan Menteri Besar kerana tidak tahan dengan tekanan-tekanan dari beberapa pihak yang mahukan beliau bersara.

Tekanan-tekanan ini menjadi semakin panas bila beberapa dipilih menduduki kerusi Majlis Tertinggi UMNO di pemilihan parti Mei lalu di mana beliau mendapat 494 undi dan menduduki tempat ke 22.

Berikutan dengan kekalahan ini, lima cawangan UMNO Air Hitam mahukan beliau meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar.

"Tekanan beberapa golongan lain juga dipercayai mempercepatkan lagi keputusan Tan Sri Othman untuk bersara dari jawatan Menteri Besar.

Setakat ini, tiga nama disebut sebagai pengganti Tan Sri Haji Othman. Mereka ialah Datuk Mohamad Rahmat, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Shahrir Samad dan Ahli Parlimen Parti, Haji Yusoff Mallin Kuning.

Dipercayai tiada siapa akan dilantik menggantikan Tan Sri Haji Othman sehingga pilihanraya akan datang dan Datuk Ngah Abdul Rahman yang pernah mengemuka dalam Pilihanraya Besar semasa Tan Sri Haji Othman di London dijangka mengemuka lagi jawatan itu.